

Rujukan kami: Prk. ML. 09/14 Jld 13(32)

Tarikh : 14 April 2010

SENARAI EDARAN

Tuan,

PERINGATAN KEPADA SEMUA PENGEKSORT / PENGIMPORT IKAN HIASAN HIDUP: MAKLUMAT SEBENAR BILANGAN DAN SPESIS IKAN YANG DIEKSORT

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Jabatan Perikanan telah mendapati terdapat pengeksport/pengimport ikan hiasan hidup yang dieksport telah mengelirukan Jabatan Perikanan dari segi maklumat bilangan dan spesis ikan yang dimohon melalui Sistem e-permit dan maklumat sebenar bilangan dan spesis ikan yang dieksport.

3. Dari maklumat yang diperolehi, jabatan mendapati pihak pengeksport telah memberi maklumat yang tidak tepat dan maklumat tersebut sangat jauh berbeza dengan maklumat sebenar ikan yang dieksport. Jabatan Perikanan memandang serius perkara ini kerana ikan yang tidak diperiksa sebelum dieksport mungkin mempunyai risiko penyakit dan perkara ini akan menjejaskan kredibiliti dan imej Malaysia dan Jabatan Perikanan sebagai *Competent Authority (CA)*.

5. Sehubungan dengan ini, Jabatan Perikanan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas amalan yang tidak bertanggungjawab ini. Berkuatkuasa serta merta:-


1. Permohonan spesis dan bilangan ikan bagi tujuan pemeriksaan sebelum eksport (*inspection prior to export*) adalah berdasarkan *invois order* yang sebenar.
2. Semua kotak bagi bungkusan ikan bagi tujuan eksport hendaklah tidak ditutup semasa pemeriksaan sebelum eksport dijalankan.
3. Invois sebenar yang akan dihantar kepada pengimport perlu disahkan oleh Jabatan Perikanan sebelum sijil kesihatan dikeluarkan.

6. Jabatan Perikanan berharap pihak tuan akan mengambil peringatan ini dengan serius dan mematuhi arahan di atas bagi memastikan aktiviti pengeksportan ikan hiasan tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO JUNAIDI B. CHE AYUB)
Ketua Pengarah Perikanan
Ibu Pejabat Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k Pengarah Bahagian Biosekuriti Perikanan

Ketua Unit Biosekuriti Perikanan Negeri

SENARAI EDARAN

Syarikat pengeksport



Pengerusi
Airfreight Forwarders Association of Malaysia
No. 16B, 2nd Floor, Jalan Kemuja
Bangsar Utama, 59000 Kuala Lumpur
Federal Territory, Malaysia